



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088 – 368000
Bil. : KEW.100-4/4 Jld.8/ (32)
Tarikh : 17 Disember 2019

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI SABAH

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman YAB Ketua Menteri dalam ucapan bajet negeri tahun 2020 pada 15 November 2019, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Sistem Perakauan Akruan bermula pada tahun 2022. Tempoh persediaan bagi pelaksanaan sistem tersebut akan bermula pada tahun 2020 sehingga tahun 2021. Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBN) sebagai *lead agency*, akan menyelaras aktiviti pelaksanaan perakaunan akruan di semua Kementerian dan Jabatan Ketua Menteri.

3. Dalam tempoh persediaan ini, sistem perakaunan sedia ada akan terus digunakan bagi mengeluarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri berasaskan tunai ubah suai untuk pembentangan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Pengujian sistem bagi mengeluarkan laporan kewangan berasaskan perakaunan akruan akan dilakukan sepanjang tempoh tersebut.

...2/



KEW.100-4/4 Jld. 8/ (32)


17 Disember 2019

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI SABAH

4. Sila maklum, Surat Pekeliling bagi menerangkan pelaksanaan perakaunan akruan dan tanggungjawab pegawai pengawal dalam pelaksanaannya akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”
“JIMAT DAN PRODUKTIF”**



(DATUK HAJI KAIM KALIMIN)
Setiausaha Tetap

- s.k.: (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri,
Tingkat 10, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) Pengarah
Jabatan Audit Negara,
88400 KOTA KINABALU